

2019

**LAPORAN
TAHUNAN AUDIT DALAM**



**UNIT AUDIT DALAM
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN**





**UNIT AUDIT DALAM
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN**

KANDUNGAN

Bil	Perkara	Muka Surat
1.	Perutusan Dato' Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban	4
2.	Penghargaan Unit Audit Dalam	6
3.	Peranan Unit Audit Dalam	8
4.	Carta Organisasi Unit Audit Dalam	10
5.	Pengauditan Pengurusan Kerja-Kerja Landskap	12
6.	Semakan Perjanjian Sewa Gerai / Pasar Bagi Tahun 2019-2020	15
7.	Pengauditan Pengurusan Aduan Awam	17
8.	Pengauditan Kehilangan, Pelupusan & Hapuskira	22
9.	Pemerhatian Susulan Pengauditan Pengurusan Gerai Majlis Perbandaran Seremban	23
10.	Pengauditan MS ISO 9001:2015	30



**UNIT AUDIT DALAM
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN**

Bil	Perkara	Muka Surat
11.	Pengauditan Dokumen Rasmi, Fail Sulit Dan Buku Am 492A Dan 492B	44
12.	Pengauditan Pengurusan Stor	52
13.	Pengauditan Buku Log Kenderaan	61
14.	Pengauditan Pengurusan Harta Majlis Perbandaran Seremban	62
15.	Pengauditan Piagam Pelanggan	64
16.	Pengauditan Tunggakan Sewa Gerai / Pasar	70
17.	Pengauditan Pengurusan Elaun Kerja Lebih Masa	75
18.	Pengauditan Daftar Bil	81
19.	Pemeriksaan Mengejut	85
20.	Pengauditan Baucer Bayaran	93
21.	Pelaksanaan Penilaian Pemeriksaan Mengejut Secara Online Tahun 2019 Melalui Sistem RatingNS	95
22.	Pengauditan Pemantauan Tahun 1 MS ISO 9001:2015	96
23.	Integriti	99



**UNIT AUDIT DALAM
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN**

PERANAN UNIT AUDIT DALAM

Unit Audit Dalam (UAD) Majlis Perbandaran Seremban telah diwujudkan pada tahun 2010 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil.9 Tahun 2004. Objektif penubuhan UAD adalah memastikan sistem pengurusan dan kewangan jabatan diuruskan dengan teratur selaras dengan dasar, undang-undang dan prosedur yang ditetapkan, mengkaji dan menilai operasi jabatan dari segi tahap kesempurnaan, kemampuan, kesekapan dan ekonomi serta mengenalpasti kelemahan pelaksanaan dan ketidakpatuhan serta mengesyorkan langkah-langkah tindakan pembetulan yang diperlukan.

Peranan utama Unit Audit Dalam adalah seperti berikut:

- i) Menjalankan Pengauditan berdasarkan:-
 - Pengurusan Kewangan
 - Pengurusan Pentadbiran
 - Pengurusan Prestasi
 - MS ISO 9001:2015
 - Susulan Pengauditan
 - Pemeriksaan Mengejut
- ii) Pemeriksaan kawalan hasil dan penjagaan wang awam.
- iii) Pemeriksaan kawalan dan pembayaran serta penggunaan wang awam.
- iv) Memantau Pemeriksaan Mengejut yang dijalankan oleh Jabatan.
- v) Penyelaras Pengauditan Pengurusan Kewangan.
- vi) Penyelaras Integriti Majlis Perbandaran Seremban.

3. PENGAUDITAN PENGURUSAN ADUAN AWAM

Pada 4 Mac hingga 9 April 2019, Unit Audit Dalam telah menjalankan Pengauditan Pengurusan Aduan Awam Tahun 2017 - 2019. Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan, di dapati masih terdapat jabatan yang masih TIDAK MEMBUKA, MEMBUAT SIASATAN DAN MENGAMBIL TINDAKAN mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Seremban. Rujuk **JADUAL 4 HINGGA 6**.

**JADUAL 4
STATUS ADUAN AWAM TAHUN 2017 SETAKAT 9 APRIL 2019**

Bil	Jabatan	Diterima	Siasatan	Tindakan
1	Jabatan Taman & Landskap	-	181	398

 Aduan berstatus SIASATAN tidak ditukar kepada TINDAKAN dalam tempoh 7 hari

**JADUAL 5
STATUS ADUAN AWAM TAHUN 2018 SETAKAT 9 APRIL 2019**

Bil	Jabatan	Diterima	Siasatan	Tindakan
1	Jabatan Kejuruteraan	1	8	-
2	Jabatan Khidmat Pengurusan	1	-	-
3	Jabatan Komuniti & Perhubungan Awam	1	-	2
4	Jabatan Pelesenan & Pembersihan	-	13	90
5	Jabatan Perancangan Pembangunan	-	2	8
6	Jabatan Taman & Landskap	-	376	325
7	Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan	-	354	63
8	Unit Elektrik	-	7	104
9	Unit Jalan & Saliran ZON SELATAN	-	31	360
10	Unit Letak Kereta	7	1	11
11	Unit Perkhidmatan Pelanggan	32	34	30
12	Unit Senggaraan Bangunan	4	-	17

 Aduan berstatus SIASATAN tidak ditukar kepada TINDAKAN dalam tempoh 7 hari

 Aduan yang BELUM DIBUKA dalam tempoh 3 hari

JADUAL 6
STATUS ADUAN AWAM TAHUN 2019 SETAKAT 9 APRIL 2019

Bil	Jabatan	Diterima	Siasatan	Tindakan
1	Jabatan Kawalan Bangunan	10	10	1
2	Jabatan Komuniti & Perhubungan Awam	8	4	-
3	Jabatan Pelesenan & Pembersihan	1	192	14
4	Jabatan Taman & Landskap	-	370	18
5	Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan	-	252	52
6	Pejabat Setiausaha	5	-	-
7	Unit Elektrik	22	4	10
8	Unit Jalan & Saliran	-	10	62
9	Unit Jalan & Saliran ZON SELATAN	-	87	32
10	Unit Letak Kereta	10	-	-
11	Unit Perkhidmatan Pelanggan	143	44	17
12	Unit Projek & Lalulintas	1	-	22
13	Unit Senggaraan Bangunan	1	4	-

 Aduan berstatus SIASATAN tidak ditukar kepada TINDAKAN dalam tempoh 7 hari

 Aduan yang BELUM DIBUKA dalam tempoh 3 hari

- 3.1. Semakan Audit terhadap statistik aduan di sistem e-Public pada Tahun 2017 hingga Tahun 2019 mendapati terdapat Aduan yang berstatus 'DITERIMA' dan 'SIASATAN' tidak diambil tindakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu memastikan semua *Desk Officer* membuka semua aduan dalam tempoh 3 hari bekerja dan aduan yang masih berstatus SIASATAN perlu ditukar kepada TINDAKAN dalam tempoh 7 hari bekerja.

Kedudukan Semasa : Urusetia telah mengadakan Mesyuarat Aduan Awam sebulan sekali untuk memantau dan menyelia aduan-aduan dan kerjasama daripada 'Desk Officer' setiap jabatan amatlah diperlukan bagi memastikan aduan dapat diselesaikan dengan segera.

3.2. Semasa pengauditan dijalankan, Audit mendapati terdapat mekanisma telah diwujudkan dengan menetapkan beberapa orang pegawai yang dibahagikan kepada jabatan untuk memantau status penutupan aduan serta maklumbalas kepada pengadu. Namun semakan audit mendapati masih terdapat aduan yang telah selesai tetapi tidak ditutup. Rujuk **JADUAL 7**.

JADUAL 7

Bil	No Rujukan	Tarikh Aduan Selesai	Tempoh Belum ditutup sehingga 9.4.2019	Jabatan
1	0600/05/2017	27-12-18	67 hari	Jab. Perancangan Pembangunan
2	0660/05/2017	27-12-18	67 hari	
3	0329/06/2017	27-12-18	67 hari	
4	0898/12/2018	17-01-19	54 hari	Jabatan Kejuruteraan
5	0291/05/2018	12-02-19	39 hari	Unit Jalan dan Saliran ZON UTARA
6	0704/04/2018	12-02-19	39 hari	
7	0152/05/2018	12-02-19	39 hari	
8	0239/12/2018	19-12-18	72 hari	Unit Kawalan Bangunan dan Utiliti
9	0686/03/2018	18-12-18	73 hari	
10	0439/01/2019	24-01-19	50 hari	
11	0879/01/2018	22-01-19	52 hari	Unit Projek dan Lalulintas
12	0432/02/2018	17-01-19	54 hari	
13	0682/03/2018	15-01-19	56 hari	
14	0528/05/2018	28-01-19	54 hari	Unit Senggaraan Bangunan
15	1169/05/2018	28-01-19	54 hari	
16	1142/06/2018	28-01-19	54 hari	
19	0123/08/2017	8-01-19	60 hari	Unit COB
20	1189/01/2019	14-02-19	37 hari	
21	1181/01/2019	31-01-19	45 hari	Unit Perkhidmatan Pelanggan

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu memastikan pegawai yang terlibat mengambil tindakan segera dengan menutup aduan yang telah selesai.

Kedudukan Semasa : Urusetia telah mengadakan Mesyuarat Aduan Awam sebulan sekali untuk memantau dan menyelia aduan-aduan dan kerjasama daripada 'Desk Officer' setiap jabatan amatlah diperlukan bagi memastikan aduan dapat diselesaikan dengan segera.

3.3. Semakan Audit juga mendapati, terdapat aduan yang telah ditutup namun tiada surat makluman dikeluarkan kepada pengadu. Rujuk **JADUAL 8**.

JADUAL 8

Bil	No.Rujukan	Tarikh Aduan Ditutup	Jabatan
1	0555/01/2019	22-01-19	Jab. Kewangan
2	0026/01/2019	9-01-19	Jab. Pelesenan dan Pembersihan
3	0288/01/2019	22-01-19	
4	0031/01/2019	22-01-19	Jab. Undang-Undang
5	0032/01/2019	22-01-19	
6	0061/01/2019	9-01-19	Unit Elektrik
7	0063/01/2019	09-01-19	
8	0161/02/2019	28-02-19	Unit Jalan dan Saliran
9	0910/01/2019	13-03-19	Unit Jalan dan Saliran ZON UTARA

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu memastikan pegawai yang terlibat perlu mengeluarkan surat makluman kepada pengadu selepas aduan ditutup.

Kedudukan Semasa : Urusetia telah mengadakan Mesyuarat Aduan Awam sebulan sekali untuk memantau dan menyelia aduan-aduan dan kerjasama daripada 'Desk Officer' setiap jabatan amatlah diperlukan bagi memastikan aduan dapat diselesaikan dengan segera.

3.4. Audit mendapati ulasan bagi Maklumbalas / Tindakbalas / Ulasan dinyatakan dalam Sistem ePublic terlalu ringkas dan kurang bermaklumat. Rujuk **JADUAL 9**.

JADUAL 9

Bil	No.Rujukan	Jabatan/ Unit
1	0023/01/2019	Jab. Taman & Landskap
2	0374/01/2019	
6	0177/01/2019	Unit Jalan Dan Saliran
7	0137/02/2019	
8	0065/01/2019	Unit Jalan dan Saliran ZON SELATAN
9	0521/01/2019	
10	0502/01/2019	Unit Projek Dan Lalulintas
11	0170/01/2019	Unit Jalan Dan Saliran ZON UTARA
12	1088/01/2019	
13	0242/01/2019	Unit Elektrik
14	0666/01/2019	

Pada pendapat Audit, ulasan bagi Maklumbalas / Tindakbalas / Ulasan perlu lengkap dan disokong dengan tarikh bagi memastikan pengadu menerima maklumbalas yang jelas. Jabatan Komuniti & Perhubungan Awam juga perlu memantau maklumat yang diperolehi sebelum menutup aduan tersebut.

Kedudukan Semasa : Urusetia telah mengadakan Mesyuarat Aduan Awam sebulan sekali untuk memantau dan menyelia aduan-aduan dan kerjasama daripada 'Desk Officer' setiap jabatan amatlah diperlukan bagi memastikan aduan dapat diselesaikan dengan segera.

12. PENGAUDITAN TUNGGAKAN SEWA GERAI / PASAR

Lanjutan daripada teguran Jabatan Audit Negara berkenaan Pengurusan Gerai dan Pasar MPS, Unit Audit Dalam telah membuat Pengauditan Tunggakan Sewa Gerai / Pasar pada 4 November 2019. Hasil daripada pengauditan tersebut didapati tunggakan sewa gerai / pasar setakat 31 Oktober 2019 adalah semakin meningkat dan tidak memuaskan. Semakan terperinci hanya ditumpukan kepada tunggakan sewa yang melebihi 10 bulan dan pemerhatian adalah seperti berikut:-

12.1. GERAI PASAR BESAR SEREMBAN

Semakan Audit pada Laporan Tunggakan Gerai Pasar Besar Seremban mendapati sebanyak 32 gerai atau penyewa yang masih mempunyai tunggakan sewa antara 10 hingga 13 bulan. Semakan dengan Jabatan Kewangan tunggakan tersebut adalah kerana Gerai Pasar Besar Seremban telah diberikan pengecualian sewaan daripada 1 September 2017 hingga 30 September 2019 walaubagaimanapun, sehingga tarikh semakan dibuat tiada pelarasan kredit dibuat ke atas akaun sewaan penyewa.

Pada pendapat Audit, jabatan perlu mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih efektif seperti menarik semula gerai, mengeluarkan notis atau operasi mengunci gerai bagi penyewa yang mempunyai tunggakan melebihi 3 bulan. Selain daripada itu juga, Jabatan Kewangan perlu dengan serta-merta mendapatkan pengesahan berkenaan dengan pengecualian sewaan bagi mempercepatkan proses pelarasan kredit dibuat. Kelewatan ini boleh memberi kesan kepada Penyata Akaun 2019.

Kedudukan Semasa : Kertas Cadangan untuk Mendapatkan Perakuan Semula bagi Pengecualian Bayaran Sewaan dan Kos Senggaraan bagi Pasar Besar Seremban bagi tempoh bermula dari 1 September 2017 hingga 30 September 2019 masih belum diterima dari Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK).

12.2. TAPAK GERAI PASAR BESAR SEREMBAN

Semakan Audit pada Laporan Tunggakan Tapak Gerai Pasar Besar Seremban mendapati sebanyak 47 gerai atau penyewa yang masih mempunyai tunggakan sewa antara 10 hingga 13 bulan. Semakan dengan Jabatan Kewangan tunggakan tersebut adalah kerana Tapak Gerai Pasar Besar Seremban telah diberikan pengecualian sewaan daripada 1 September 2017 hingga 30 September 2019. Walaubagaimanapun, sehingga tarikh semakan dibuat tiada pelarasan kredit dibuat ke atas akaun sewaan penyewa.

Pada pendapat Audit, jabatan perlu mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih efektif seperti menarik semula gerai, mengeluarkan notis atau operasi mengunci gerai bagi penyewa yang mempunyai tunggakan melebihi 3 bulan. Selain daripada itu juga. Jabatan Kewangan perlu dengan serta-merta mendapatkan pengesahan berkenaan dengan pengecualian sewaan bagi mempercepatkan proses pelarasan kredit dibuat. Kelewatan ini boleh memberi kesan kepada Penyata Akaun 2019.

Kedudukan Semasa : Kertas Cadangan untuk Mendapatkan Perakuan Semula bagi Pengecualian Bayaran Sewaan dan Kos Senggaraan bagi Pasar Besar Seremban bagi tempoh bermula dari 1 September 2017 hingga 30 September 2019 masih belum diterima dari Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK).

12.3. GERAI PASAR RASAH JAYA

Semakan Audit pada Laporan Tunggakan Gerai Pasar Rasah Jaya telah mendapati penemuan seperti berikut:-

- i. Sebanyak 1 gerai yang mempunyai tunggakan sewa 20 bulan.
Bukti:
 1. **Albert James A/L Sesu**
- ii. Tunggakan sewa semakin meningkat daripada Januari 2019.
- iii. Tiada bukti penguatkuasaan dibuat dan penyewa masih menjalankan perniagaan walaupun tunggakan sewa mencapai 20 bulan.
- iv. Penyewa menjalankan perniagaan tanpa lesen.
- v. Perjanjian telah ditandatangani tanpa menjelaskan tunggakan.

Pada pendapat Audit, Jabatan Kewangan perlu membatalkan akaun penyewa dan mengadakan operasi menuntut tunggakan. Jabatan Pelesenan & Pembersihan perlu menghantar Notis Penarikan Gerai dan Pembatalan Lesen.

Kedudukan Semasa : Akaun sewaan bagi penyewa ini telah diinaktifkan berkuatkuasa pada 1 November 2019. Jabatan Kewangan telah mengadakan operasi menuntut tunggakan pada setiap bulan dan Jabatan Pelesenan & Pembersihan juga telah menghantar Notis penarikan gerai dan pembatalan lesen bagi gerai no. 36 Pasar Rasah Jaya pada 30.10.2019.

12.4. KIOSK PEJALAN KAKI JALAN SG. UJONG

Semakan Audit pada Laporan Tunggakan Kiosk Pejalan Kaki Jalan Sg. Ujong telah mendapati penemuan seperti berikut:-

- i. Sebanyak 2 gerai yang mempunyai tunggakan sewa 10 bulan.
Bukti:
 1. Markhalis Bin Mohammed
 2. Ahmad Bin A. Samah
- ii. Tunggakan sewa semakin meningkat daripada Januari 2019.
- iii. Tiada bukti penguatkuasaan dibuat dan penyewa masih menjalankan perniagaan walaupun tunggakan sewa mencapai 10 bulan.

Pada pendapat Audit, Jabatan Kewangan perlu membatalkan akaun penyewa dan mengadakan operasi menuntut tunggakan. Jabatan Pelesenan & Pembersihan perlu menghantar Notis Penarikan Gerai dan Pembatalan Lesen.

Kedudukan Semasa : Akaun sewaan bagi penyewa ini telah diinaktifkan berkuatkuasa pada 1 November 2019. Jabatan Kewangan telah mengadakan operasi menuntut tunggakan pada setiap bulan dan Jabatan Pelesenan & Pembersihan juga telah menghantar Notis penarikan gerai dan pembatalan lesen bagi kiosk no. 2 dan 4 Kiosk Pejalan Kaki pada 30.10.2019. Penyewa telah memulangkan gerai pada 1.11.2019.

12.5. MEDAN SELERA AMPANGAN

Semakan Audit pada Laporan Tunggakan Medan Selera Ampangan telah mendapati penemuan seperti berikut:-

- i. Sebanyak 2 gerai yang mempunyai tunggakan sewa 10 bulan.
Bukti:
 1. Juriah Binti Abd. Rahman
 2. Razilah Binti Yusof
- ii. Tunggakan sewa semakin meningkat daripada Januari 2019.
- iii. Tiada bukti penguatkuasaan dibuat dan penyewa masih menjalankan perniagaan walaupun tunggakan sewa mencapai 10 bulan.
- iv. Penyewa menjalankan perniagaan tanpa lesen.
- v. Perjanjian telah ditandatangani tanpa menjelaskan tunggakan.

Pada pendapat Audit, Jabatan Kewangan perlu membatalkan akaun penyewa dan mengadakan operasi menuntut tunggakan. Jabatan Pelesenan & Pembersihan perlu menghantar Notis Penarikan Gerai dan Pembatalan Lesen.

Kedudukan Semasa : Sebagai peringatan untuk menjelaskan tunggakan, Jabatan Kewangan telah menghantar Notis Tunggakan Sewa pada 15 Mei 2019, 19 Jun 2019, 15 Julai 2019, 16 Ogos 2019, 18 September 2019 dan 23 Oktober 2019. Manakala Jabatan Pelesenan & Pembersihan telah menghantar Notis penarikan gerai dan pembatalan lesen bagi gerai no 4 & 18 Medan Selera Ampangan pada 22.11.2019. Penyewa telah membuat rayuan dan masih dalam pertimbangan Pengarah.

12.6. GERAJ TAMAN SRI MAWAR

Semakan Audit pada Laporan Tunggakan Gerai Taman Sri Mawar telah mendapati penemuan seperti berikut:-

- i. Sebanyak 2 gerai yang mempunyai tunggakan sewa 10 bulan.
Bukti:
 1. Taib Bin Sedan
 2. Amat Ehsan Bin Sedan
- ii. Tunggakan sewa semakin meningkat daripada Januari 2019.
- iii. Tiada bukti penguatkuasaan dibuat dan penyewa masih menjalankan perniagaan walaupun tunggakan sewa mencapai 10 bulan.

Pada pendapat Audit, Jabatan Kewangan perlu membatalkan akaun penyewa dan mengadakan operasi menuntut tunggakan. Jabatan Pelesenan & Pembersihan perlu menghantar Notis Penarikan Gerai dan Pembatalan Lesen.

Kedudukan Semasa : Sebagai peringatan untuk menjelaskan tunggakan, Jabatan Kewangan telah menghantar Notis Tunggakan Sewa pada 28 Januari 2019, 19 Februari 2019, 15 Mei 2019, 19 Jun 2019, 15 Julai 2019, 16 Ogos 2019, 18 September 2019 dan 23 Oktober 2019. Jabatan Pelesenan & Pembersihan telah memaklumkan penyewa mempunyai lesen 2019 yang telah dibayar pada 07.02.2019.

12.7. GERAJ TAPAK 1 SENAWANG

Semakan Audit pada Laporan Tunggakan Gerai Tapak 1 Senawang telah mendapati penemuan seperti berikut:-

- i. Sebanyak 1 gerai yang mempunyai tunggakan sewa 11 bulan.
Bukti:
 1. Rasidah Binti Saad
- ii. Tunggakan sewa semakin meningkat daripada Januari 2019.
- iii. Tiada bukti penguatkuasaan dibuat dan penyewa masih menjalankan perniagaan walaupun tunggakan sewa mencapai 11 bulan.
- iv. Penyewa menjalankan perniagaan tanpa lesen.
- v. Perjanjian telah ditandatangani tanpa menjelaskan tunggakan.

Pada pendapat Audit, Jabatan Kewangan perlu membatalkan akaun penyewa dan mengadakan operasi menuntut tunggakan. Jabatan Pelesenan & Pembersihan perlu menghantar Notis Penarikan Gerai dan Pembatalan Lesen.

Kedudukan Semasa : Sebagai peringatan untuk menjelaskan tunggakan, Jabatan Kewangan telah menghantar Notis Tunggakan pada 28 Januari 2019, 19 Februari 2019, 15 Mei 2019, 19 Jun 2019, 15 Julai 2019, 16 Ogos 2019, 18 September 2019 dan 23 Oktober 2019 dan Jabatan Pelesenan & Pembersihan telah menghantar Notis penarikan gerai dan pembatalan lesen bagi gerai no 5 Tapak 1 Senawang pada 19.11.2019.

